

Swasta harus beri banyak peluang kontrak kepada bumiputera

11 OCT 2002

PETALING JAYA 10 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pihak swasta seharusnya memberi lebih banyak peluang kontrak kepada usahawan bumiputera bagi menyumbang kepada keharmonian negara.

Perdana Menteri berkata, ada usahawan bumiputera yang mengadu bahawa mereka terpaksa bergantung kepada kontrak kerajaan kerana mendakwa pihak swasta tidak akan memberikan mereka peluang langsung.

“Saya tidak tahu sejauh mana kebenaran dakwaan tersebut tetapi mereka menjauhkan diri daripada mencuba (mendapatkan kontrak) dengan pihak swasta.

“Kita tahu bumiputera harus berdaya saing dan kerajaan telah mengurangkan sokongan yang diberikan kepada usahawan bumiputera ini tetapi pada masa yang sama, sektor swasta juga harus menolong,” katanya.

Perdana Menteri menyatakan demikian pada sesi dialog sempena seminar sehari Mencontohi Korea Selatan - Mengekalkan Pertumbuhan Dalam Persekitaran Yang Dinamik di Pusat Konvensyen Sunway di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, semua pihak seharusnya membantu untuk mencapai keharmonian kaum yang menjadi punca kekuatan pertumbuhan ekonomi Malaysia selama ini.

“Semua orang akan mendapat faedah sekiranya kita dapat mencapai sasaran supaya tidak ada lagi perbezaan status ekonomi antara kaum di negara ini,” ujarinya.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia harus terus menangani isu daya saing dalam masyarakat tempatan bagi membolehkan negara mencapai status negara maju dalam masa 18 tahun akan datang.

“Kita harus memastikan semua ahli dari semua kaum berpuas hati dengan keadaan ekonomi di negara ini. Tentunya kita tidak mahu berlaku satu lagi rusuhan kaum seperti tragedi 13 Mei 1969,” katanya.

Beliau memberitahu, sebahagian daripada kaum bumiputera telah mencapai sedikit kejayaan tetapi secara keseluruhannya mereka memerlukan sedikit masa untuk bersaing dengan kaum lain.

“Mereka (kaum bumiputera) perlu berlari untuk menyamakan taraf mereka, walaupun kaum lain hanya berjalan,” ujar beliau.

Dr. Mahathir menegaskan, dasar kerajaan membantu bumiputera telah menunjukkan sedikit hasil bagi mengawal ketegangan antara kaum di negara ini.